

DATE: 7/12/2009

Dr. Mahathir terima Anugerah Keamanan Global

UM - 17/12/2009

KUALA LUMPUR 16 Dis. – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini menerima Anugerah Keamanan Global daripada Yayasan Ramadhan iaitu sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dari United Kingdom.

Anugerah berkenaan disampaikan bagi mengiktiraf sumbangan beliau kepada masyarakat Islam selain inisiatif memperjuangkan keamanan di peringkat global.

Ia disampaikan oleh Pengerusi Yayasan Ramadhan, Muhammad Umar pada Majlis Makan Malam Anugerah Gala Konvensyen Antarabangsa Uniti Muslim di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini malam ini.

Selain Dr. Mahathir, yayasan berkenaan turut memberikan anugerah kepada Yayasan Al-Bukhary untuk khidmat kepada ummah dan Allahyarham Ubaidulla Kadir Basha untuk khidmat beliau dalam bidang kemasuisaan dan pencapaian seumur hidup.

Dalam ucapannya, Dr. Mahathir menyeru supaya semua umat Islam mengetepikan perbezaan dan bersatu-padu demi keamanan sejagat.



DR. Mahathir Mohamad menerima anugerah daripada Pengerusi Yayasan Ramadhan, Muhammad Umar semasa Konvensyen Uniti Muslim Antarabangsa di PWTC, Kuala Lumpur, malam tadi.